

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : SMART SELANGOR PARKING**

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statistik bilangan pengguna berdaftar dan pengguna aktif aplikasi ini?
- b) Berapa transaksi dan hasil daripada aplikasi pintar ini berbanding bayaran lama?
- c) Mengapa terdapat PBT yang belum menggunakan aplikasi ini?

**JAWAPAN:**

- a) Bermula dari 1 Julai 2018 sehingga 28 Februari 2019, terdapat lebih daripada 140,000 pengguna berdaftar yang menggunakan aplikasi Smart Selangor Parking secara berkala.
- b) Sehingga 28 Februari 2019, Smart Selangor Parking mencatatkan bilangan transaksi pembayaran parkir melebihi 3 juta transaksi, dan mencatatkan bilangan pengeluaran kompaun melebihi 1.6 juta transaksi. Akan tetapi, tiada perbandingan di antara kaedah atas talina ini berbanding kaedah lama seperti penggunaan kupon dan mesin syiling yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, berkemungkinan Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai data dan analisa tersebut.
- C) Terkini, Smart Selangor Parking telah pun digunapakai di 6 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Walaupun terdapat permintaan yang tinggi daripada orang ramai, akan tetapi masih terdapat beberapa PBT yang masih belum menyertai pelaksanaan Smart Selangor Parking disebabkan oleh perkara-perkara berikut:
  - i. Implikasi perundangan yang melibatkan perjanjian jangka-jangka konsesi parkir bagi membolehkan pelaksanaan atau integrasi Sistem Smart Selangor Parking, contohnya MPSJ dan MDKL
  - ii. Ketersediaan PBT yang telahpun melaksanakan sistem parkir tersendiri yang terdahulu sebelum Sistem Smart Selangor Parking untuk melaksanakan integrasi dengan sistem Smart Selangor Parking, contohnya MPK

iii. PBT yang baharu mendapat kelulusan untuk mengenakan caj parkir bermula 2019, contohnya MDKS

iv. PBT yang tidak mengenakan caj parkir, contohnya MDHS dan MDSB

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PENGGUNAAN ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT NEGERI  
SELANGOR**

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor telah meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti agensi-agensi kerajaan? Nyatakan bilangan dan jenis maklumat yang dirujuk?

**JAWAPAN:**

- a) Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 telah digubal dengan tujuan mempertingkatkan penzahiran maklumat bagi kepentingan awam dan untuk memberi kepada setiap individu peluang mengakses maklumat yang terdapat di Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri melalui permohonan yang dikemukakan kepada Jabatan. Penggubalan Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 [Enakmen 8] telah diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor dan mendapat Perkenan Diraja pada 12 Ogos 2011 serta diwartakan pada 25 Ogos 2011. Tarikh kuatkuasa Enakmen telah ditetapkan oleh DYMM Sultan Selangor bermula pada 5 Mac 2013 melalui Warta.

Peningkatan permohonan maklumat sejak tahun 2013 hingga tahun 2018 telah menunjukkan ketelusan dan kesediaan Kerajaan Negeri dalam menzahirkan maklumat kepada orang awam. Perkara ini dapat dibuktikan dengan statistik permohonan yang diterima mengikut tahun seperti Jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Bilangan Permohonan Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011**

<b>TAHUN</b>	<b>PERMOHONAN</b>
2013	31
2014	143
2015	174
2016	192
2017	201
2018	252
<b>JUMLAH</b>	<b>993</b>

Jenis-jenis maklumat yang dirujuk adalah pelbagai, mengikut Jabatan yang dipohon oleh pemohon. Antara jenis permohonan yang diterima adalah seperti Jadual 2 di bawah

BIL	JABATAN/AGENSI TERLIBAT	JENIS MAKLUMAT
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	<p>Dokumen Mengenai Kelulusan Projek KIDEX (Damansara-Kinrara)</p> <p>Dokumen Mengenai Kelulusan Projek DASH (Damansara-Shah Alam)</p> <p>Laporan Kewangan Tahunan 2010, 2011 dan 2012 Bagi Semua Anak Syarikat (GLC) dan Semua Badan Berkanun</p> <p>Dokumen berkaitan dengan Minit mesyuarat EXCO MTES Bilangan 10/2003</p> <p>Dokumen berkaitan dengan Projek Pembangunan Semula Lot 5270 dan Lot 5740 Mukim Petaling Sri Kembangan</p> <p>Dokumen berkaitan dengan Penstrukturan Semula Air Selangor (September 2014)</p> <p>Permohonan berkaitan dengan Pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat berserta dengan Senarai nama Pegawai Maklumat</p> <p>Senarai Resume Pelantikan Yang Dipertua Majlis Perbandaran / Majlis Daerah di Selangor</p> <p>Dokumen berkaitan dengan Projek Lebuhraya DASH (Damansara-Shah Alam) dan juga Minit Mesyuarat MTES April 2012</p> <p>Permohonan mengenai Pengeluaran Hak Milik Individu Taman Industri Subang Dimajukan Ultramine Sdn Bhd</p>
2.	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	Salinan laporan dan keputusan untuk meniadakan pembinaan ramp yang meyabungkan Persiaran Anggerik Malaxis dan Persiaran Anfferik Mokara, Seksyen 31 Kota Kemuning Shah Alam
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	<p>Bangunan “food court” dijadikan “ pasar rakyat” di tepi jalan sk 6/1, seri kembangan</p> <p>Pemindahan maklumat dari pejabat daerah dan tanah petaling mengenai projek pembangunan semula lot 5270 dan lot 5740</p>

		<p>mukim petaling, seri kembangan</p>
		<p>Senarai penuh penjaja/peniaga kecil di pasar rakyat tepi jalan sk6/1, seri kembangan.</p> <p>Senarai penuh penjaja di pasar lama seri kembangan (lot 5740), seri kembangan.</p> <p>Projek pembinaan bangunan baru sjkc bukit serdang, seri kembangan di jalan lestari 5, taman lestari perdana, seri kembangan</p> <p>Projek tebatan banjir di seri kembangan dengan sejumlah peruntukan rm 8.7 juta.</p> <p><i>Detailed discussion for 'scratch card' parking</i>  <i>Detailed list of all public parking</i>  <i>Cv's of mpsj local councilors (2015)</i>  <i>Thirst 2015 concert cancellation</i></p> <p>Projek pembinaan bangunan baru sjkc bukit serdang, seri kembangan di jalan lestari perdana 5, taman lestari perdana, seri kembangan</p> <p>Status cadangan pembinaan persimpangan bertingkat serdang perdana, seri kembangan</p> <p>Status cadangan pembinaan persimpangan bertingkat di pusat perdagangan seri kembangan, jalan putra permai, seri kembangan</p> <p>Banjir kilat sering melanda di halaman sjkc kung man, serdang lama, seri kembangan dan kawasan sekitarnya sejak 2010 hingga kini</p>
4.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	<p>Senarai Pembangunan Seksyen 13, Petaling Jaya yang telah diluluskan dan yang sedang dipertimbangkan oleh MBPJ serta perincian lanjut</p> <p>Minit Mesyuarat OSC Bil 19 Tahun 2014 (Diluluskan cabutan minit yang berkaitan)</p>

		<p>Information regarding No. 4, Jalan Kiara SD 11/2, Bandar Damansara</p> <p>Bandar Utama – Road repair for area Bandar Utama (Year 2014)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Detail of tender process</li> <li>- History of repair and how soon before needs repair again</li> <li>- Include which contractors</li> </ul> <p>Impack Assessment – KIDEX, DASH</p> <p>Information regarding No. 4, Jalan Kiara SD 11/2, Bandar Seri Damansara.</p> <p>How Many Public Car Park Under MBPJ Area</p> <p>Dokumen dan laporan yang berkaitan dengan projek Sistem Sehala PJ</p> <p>MBPJ committee meeting minute where DASH highway was discuss and approved from January 2012 to March 2015 EIA, TIA reports that was table before the committee</p>
5.	Pejabat Daerah/Tanah Petaling	<p>Salinan surat permohonan pindahmilik (salinan yang diberi disediakan oleh pegawai undang-undang jabatan)</p> <p>Salinan surat-surat berkaitan permohonan pindahmilik tersebut (salinan yang diberi disediakan oleh pegawai undang-undang jabatan)</p> <p>Salinan ceraiian minit Mesyuarat Lembaga Pelesenan Daerah Petaling Bagi Tempoh April 2015 sehingga September 2015/Mac 2016 mukasurat 21 sahaja yang melibatkan keputusan sokongan teknikal berkaitan permohonan daripada pemohon sendiri</p>
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS)	<p>Perpustakaan dan pusat pengurusan maklumat</p> <p>Koleksi khusus perpustakaan dan promosi</p> <p>Proses bahan dan pengkatalogan</p>

		<p>Interior design perpustakaan</p> <p>Data tekanan kerja dan kepuasan kerja kakitangan</p> <p>Sistem pengurusan koleksi</p> <p>Harware, software dan online aplication di perpustakaan</p> <p>Sejarah dan pembangunan perpustakaan</p> <p>Tindakan keatas kelewatan dan kehilangan buku. Serta proses menerima aduan</p> <p>Maklumbalas pelanggan dan susun atur rekaan dalaman/senibina perpustakaan</p> <p>Rebranding perpustakaan</p> <p>Fungsi, cabaran dan unit rangkaian perpustakaan di Selangor</p> <p>Kejuruteraan bangunan</p> <p>Pengurusan maklumat (knowledge management)</p> <p>Perkhidmatan, koleksi, aktiviti, statistik, organisasi</p> <p>Rebranding (penjenamaan perpustakaan)</p> <p>Koleksi rujukan, koleksi selangor, akta, koleksi DYMM Sultan Selangor, koleksi buku nadir</p> <p>Pengendalian pelanggan, MS ISO</p> <p>Penyelesaian masalah pelanggan, kakitangan, organisasi</p> <p>Sistem pengkomputeran perpustakaan</p> <p>Intelligent building</p> <p>Proses dan pengurusan koleksi perpustakaan</p> <p>Promosi dan publisiti</p>
--	--	--

		<p>Keselamatan bangunan dan pengunjung</p> <p>Pendigitalan bahan</p> <p>Pengurusan maklumat (knowledge management)</p> <p>Program, aktiviti dan koleksi khusus untuk kanak-kanak</p> <p>Rekod elektronik</p> <p>Teknologi maklumat</p> <p>Bahan-bahan audiovisual</p> <p>Rekabentuk bangunan</p> <p>Perpustakaan dan pengurusan maklumat</p> <p>Maklumat proses pengkatalogan</p> <p>Kajian dan analisa koleksi bersiri</p> <p>Pengurusan maklumat</p> <p>Penyelenggaraan dan pengurusan bangunan</p> <p>Proses pendigitalan</p> <p>Analisa sistem perpustakaan (virtua)</p> <p>Pengurusan berkaitan teknologi maklumat</p> <p>Maklumat pengurusan perkhidmatan kanak-kanak</p> <p>Fungsi dan keberkesanan sistem di perpustakaan</p> <p>Proses pegurusan bahan audiovisual</p>
7.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	<p>Kajian penyelidikan sarjana di kawasan pasar basah dan pasar malam di sekitar Negeri Selangor</p> <p>Lesen perniagaan bagi premis-premis perniagaan di Blok RP4, Taman Lembah Maju</p>



		Assesing the current practices of solid waste management in urban area
		Butir-butir projek pembangunan rumah pangkasa di Jalan Seri Kemuning, Kg. Muhibbah Lmebha Jaya Selatan Pelan Pra Hitung (Pelan), Pelan Topo Kelulusan (Pelan MPAJ)Projek Mulia Jaya (dekat Look-Out Point) Pelan Pembangunan Kondominium Villaria, Bukit Antarabangsa
8.	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)	Data sumber air (Air bumi dan permukaan) Data sumber air (Air bumi dan permukaan) Maklumat sungai (Sg. Damansara) Maklumat program (Pembersihan sungai) Data sumber air (Bekalan dan permintaan) Maklumat air bumi (abstraksi air bumi) Maklumat jeti Negeri Selangor
		Maklumat empangan (Sg. Selangor & Sg. Tinggi) Maklumat sungai (Anak-anak sungai & kawasan tadahan) Maklumat am (Garis panduan) Maklumat sumber air (Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam) Maklumat empangan (Langat dan Semenyih) Maklumat empangan (Langat) Maklumat sumber air (Bagi daerah Klang) Maklumat sungai (Sungai-sungai di Negeri Selangor) Maklumat kolam (Bestari Jaya) Maklumat empangan (Langat)
		Maklumat empangan (7 empangan Negeri Selangor) Maklumat hujan (Kaedah pengiraan) Maklumat sungai (Pemetaan lembangan sungai) Maklumat pewartaan kawasan tadahan empangan Maklumat am (Persediaan sumber air Negeri menghadapi El-Nino) Maklumat air bumi (Akuifer) Maklumat empangan (Sg. Selangor)

		<p>Maklumat kolam (Kualiti air kolam di Bestari Jaya)</p> <p>Maklumat sungai (Sg. Damansara)</p> <p>Maklumat empangan (Sg. Selangor &amp; Sg. Tinggi)</p> <p>Maklumat empangan (Sg. Selangor &amp; Sg. Tinggi)</p> <p>Maklumat perairan pantai (Klang &amp; Kuala Langat)</p> <p>Data sumber air (Air bumi dan permukaan)</p> <p>Maklumat empangan (7 empangan Negeri Selangor)</p> <p>Maklumat jeti Negeri Selangor</p> <p>Maklumat empangan.</p> <p>Maklumat air bumi (Lembangan Sg. Langat &amp; Selangor)</p> <p>Data sumber air (Muka sauk)</p> <p>Maklumat kawasan tadahan air.</p> <p>Penilaian Awalan Risiko</p> <p>Maklumat penguatkuasaan</p> <p>Data hujan harian.</p> <p>Isu pencemaran air di Sg. Selangor.</p>
		<p>Pelan Pengezonan ICM</p> <p>Data sumber air (Air bumi)</p> <p>Enakmen LUAS 1999</p> <p>Maklumat navigasi jalan air pedalaman.</p> <p>Maklumat Sg. Selangor</p> <p>Maklumat pencemaran sungai</p> <p>Maklumat Lembangan Sg. Langat</p> <p>Data kualiti air sungai</p> <p>Pelan keselamatan air.</p> <p>Data kualiti air Sg. Klang.</p> <p>Maklumat perundangan</p> <p>Maklumat muka sauk abstraksi sumber air</p> <p>Maklumat muka sauk di Sg. Langat.</p> <p>Lokasi air bukit dan sungai bersih untuk tujuan ternakan ikan di kawasan Gombak.</p>
9.	Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat	<p>Maklumat mengenai Peruntukan Ahli Dewan Undangan Negeri Balakong bagi tahun 2013</p> <p>Maklumat mengenai bukti penyampaian Notis 6A</p>

		Maklumat mengenai rekod kelulusan, surat kelulusan dan permit berkaitan dengan kuari yang beroperasi di PT 16050, Cheras Batu 10
10.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS)	Pelaksanaan Projek Tebatan Banjir (melibatkan keputusan MMKN)
11.	Jabatan Kerja Rakyat Negeri Selangor (JKR)	Projek Pengubahsuaian Sebahagian jalan Sehalu di Jalan Besar, Seri Kembangan
12.	Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat	<p>Permohonan – Salinan Borang Permohonan Tanah (Lot 11533) Untuk Pengesahan Tandatangan</p> <p>Permohonan – Salinan Surat Kelulusan meminda syarat nyata dan jenis kegunaan tanah ke atas H.M 4614 PT7019 Mukim Tanjung 12</p> <p>Permohonan – Salinan surat ukuran dari MDKL ke PDTKL berhubung Pengezonan Semula Tanah dari Pertanian ke Perumahan Lot 68054 Mukim Tanjung 12</p> <p>Permohonan – Salinan Ulasan Jabatan Teknikal bagi permohonan pemberi milikan tanah</p> <p>Permohonan – Salinan pelan pindaan. Pecah sempadan tanah untuk perumahan, kedai dan pejabat Lot PT 8742 Mukim Tanjung 12</p> <p>Permohonan (Salak Land) – Dokumen diperlukan gambar kejadian kebakaran Lot 68054 mukim Tanjung 12 untuk dokumen sokongan tukar syarat tanah</p> <p>Permohonan – dokumen diperlukan salinan geran PT3178, Salinan borang 5A, Salinan Notis 5F untuk tujuan perbicaraan di mahkamah</p> <p>Permohonan – dokumen diperlukan salinan borang Akta Pengambilan Tanah untuk tujuan perbicaraan di mahkamah</p> <p>Permohonan (pemilik tanah) – Dokumen diperlukan salinan bayaran premium tanah kerana dokumen asal telah hilang</p> <p>Permohonan – Dokumen diperlukan salinan surat kelulusan pembayaran premium, pelan pra hitungan lulus untuk membuat kerja pengukuran oleh juru ukur berlesen</p> <p>Permohonan – Salinan surat kelulusan dan salinan resit bayaran premium tanah</p> <p>Permohonan – Surat kelulusan pemberi milikan tanah PT2760 untuk dikemukakan ke LHDN bagi tujuan pembelian tanah</p>

13.	Majlis Perbandaran Sepang	Maklumat Insuran Jabatan Jumlah Tempat Letak Kereta Di Bawah Seliaan Majlis
14.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS)	Permohonan Fasakh Permohonan Poligami Permohonan Pernikahan Bawah Umur Wasiat Wajibah Harta Sepencarian Harta Pusaka Hadhanah Nafkah Anak Selepas Berumur 18 Tahun Pengesahan Ruju' Perceraian Permohonan Nafkah Isteri Jenayah Syariah Tuntutan Ganti Rugi Putus Tunang Li'an, Zihar dan Ila' Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Prosedur dan Undang-Undang Tatatertib Peguam Syarie Perkahwinan Luar Negara Jenayah Syariah Melibatkan Warga Emas

		Kesalahan Menghina Pihak Berkuasa Agama Kes Faraidh Ajaran Sesat Permohonan Cerai Melalui CCTV Kes Mut'ah Tanah Pusaka Dijadikan Tanah Pertanian dan Pembangunan
--	--	---

**Jadual 2: Jenis Permohonan Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI  
(N43 SEMENTA)**

**TAJUK : EKONOMI NELAYAN**

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan ekonomi nelayan tradisional? Apakah jenis jenis bantuan atau subsidi daripada pihak kerajaan kepada nelayan?
  
- b) Apakah kategori kelayakan nelayan untuk mendapat subsidi?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan mempunyai bantuan-bantuan khusus untuk meningkatkan ekonomi nelayan tradisional. Bantuan kerajaan persekutuan disediakan melalui Kementerian Industri Asas Tani, Jabatan Perikanan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.
  - (i) Bantuan disediakan oleh Kementerian Industri Asas Tani (MOA)

**Geran Agropreneur Muda 2019:** Program ini diwujudkan di dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) untuk golongan muda yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun. Ianya bertujuan untuk membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan agro berasaskan semua aktiviti di dalam rangkaian nilai sektor pertanian seperti tanaman, ternakan, perikanan, industri asas tani termasuk pemasaran, khidmat sokongan dan agropelancongan. Bagi para nelayan bantuan enjin, sampan, peralatan navigasi dan peralatan menangkap ikan (Sisipan 1)

**Dasar Industri Agro Pelancongan:** Satu dasar di bawah MOA yang memberi peluang kepada komuniti nelayan untuk menceburi bidang agro pelancongan. Industri agro pelancongan yang kian mendapat sambutan ini boleh meningkatkan pendapatan para nelayan. (Sisipan 2)

(ii) Bantuan disediakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia

**Bantuan *Touch Point* untuk kelompok nelayan pantai dan nelayan darat:**

Pihak Jabatan Perikanan Malaysia menggalakkan nelayan membentuk kelompok/ kumpulan nelayan dan daftar di bawah myKP (my Komuniti Perikanan) Jabatan Perikanan. myKP yang didaftarkan ini akan dipertimbangkan untuk bantuan jika menepati syarat-syarat yang ditetapkan. Contoh bantuan kepada myKP: Peralatan asas membuat ternakan kupang, peralatan bengkel penyelenggaraan enjin dan bot, peralatan pemasaran ikan.

(iii) Bantuan disediakan oleh Lembaga Kemajuan Ikan (LKIM)

Manakala kerajaan persekutuan melalui Lembaga Kemajuan Ikan (LKIM) memberikan subsidi kepada nelayan seperti :

- a. Subsidi minyak diesel dan petrol
- b. Insentif tangkapan ikan
- c. Insuran nelayan
- d. Perumahan nelayan
- e. Dan lain-lain

Agensi yang bertanggungjawab untuk menyelaras dan mengagihkan subsidi ini adalah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

(iv) Bantuan disediakan oleh Kerajaan Negeri

**Program Bantuan Nelayan, Petani dan Penternak:** Pada tahun 2018, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukan RM 947,650.00 ke Pejabat Perikanan Negeri Selangor untuk membantu penternak dan nelayan. Antara bantuan yang telah disalurkan adalah peralatan untuk ternakan akuakultur seperti pam, tangki ternakan dan makanan ikan. Manakala bagi nelayan pula diberi bantuan, pukat iaitu peralatan menangkap ikan.

Jumlah peruntukan dan bilangan permohonan yang Berjaya sejak tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PENERIMA (ORANG)</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN (RM)</b>
1.	2014	552	561,000.00
2.	2015	168	1,207,600.00
3.	2016	467	500,000.00
4.	2017	347	672,650.00
5.	2018	13	275,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>1,547</b>	<b>3,216,250</b>

- b) Kategori kelayakan nelayan untuk mendapat subsidi ialah:
- i. Warganegara Malaysia
  - ii. Pemilik vesel berlesen berstatus aktif dengan Jabatan Perikanan Malaysia
  - iii. Awak-awak (kru) yang mempunyai Kad Pendaftaran Nelayan (KPN) yang berstatus aktif



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : MASTER PLAN LABU LANJUT 2.0**

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini cadangan "Master plan Labu Lanjut 2.0" terutama keatas pengambilalihan dan dinaiktaraf jalan-jalan PLB kepada MPSepang?
- b) Apakah rancangan alternatif bagi mengatasi kesesakan di waktu puncak terutama di sekitar kawasan Kampung Labu Lanjut, Giching dan Salak Tinggi?

**JAWAPAN:**

- a) Kajian pelan infrastruktur Labu Lanjut telah dusedikana oleh Majlis Perbandaran Sepang pada tahun 2016. Pelan infrastruktur ini telah digunakan sebagai panduan utama di dalam kawaalam dan perancangan pembangunan di kawasan labu lanjut terutama penyediaan rezab jalan dan perparitan utama.

Di dalam cadangan pelan infrastruktur ini jalan jalan PLB sediada akan dinaiktaraf selaras dengan cadangan rezab jalan yang dicadangkan. Pengambilalihan jalan jalan ini hanya akan di ambil alih setelah ini pembangunan di kawasan tersebut telah dibangunkan.

- b) Untuk mengatasi masalah kesesakan di waktu puncak di kawasan kampung Labu lanjut, Giching dan Salak, Majlis mencadangkan beberapa perkara seperti berikut;-
  - i. Menjadikan beberapa jalan utama di jadikan jalan sehalu; dan
  - ii. Tidak membenarkan kenderaan berat melalui kawasan ini di waktu puncak

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : STATUS PROJEK TRANSLOKASI LEMBU**

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status projek translokasi lembu di Olak Lempit?
  
- b) Apakah langkah PBT untuk menangani isu lembu kementerian

**JAWAPAN:**

- a) -
  
- b) Tindakan sitaan dibawah Enakmen 3, Tahun 1971, Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971 akan diambil oleh pihak MDKL ke atas lembu-lembu yang terbiar sehingga membahayakan orang awam. Kompaun, caj pengalihan dan caj simpanan akan dikenakan sebelum lembu dilepaskan untuk tuntutan. Namun PBT mengalami kekangan dari segi kepakaran untuk menangkap lembu tersebut dan tidak mempunyai kawasan khas untuk menyimpan lembu yang telah disita.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : DANA KHAS PEMBANGUNAN PERTANIAN**

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan menyediakan dana khas pertanian untuk rakyat yang ingin membangunkan tanah mereka untuk projek tanaman yang boleh meningkatkan pendapatan petani?
- b) Selain daripada dana, adakah kerajaan berhasrat membantu petani dengan bantuan benih tanaman yang ditentukan oleh kerajaan?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor mempunyai program khas bagi bantuan kepada golongan petani, penternak dan nelayan. Antaranya program bantuan di bawah Jabatan Pertanian bagi bantuan dalam bentuk input pertanian bagi pelbagai jenis projek tanaman seperti buah, sayur, padi, kelapa, cendawan dan herba, pembangunan tanah terbiar, ternakan lebah madu dan kelulut, industri asas tani dan latihan. Selain itu, bagi golongan muda, program Agroprenuer Muda turut diperkenalkan bagi membantu golongan muda dalam bidang pertanian.
- b) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Pertanian turut menyediakan bantuan benih tanaman. Antara bantuan benih yang telah diberikan adalah bantuan benih padi sah MR 297, benih kelapa matag, benih pisang kultur tisu, benih klon buah-buahan terpilih dan benih-benih sayuran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : PROGRAM 3W (WOMEN, WELFARE, WELLNESS)**

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah matlamat Program 3W (Women, Welfare, Wellness)?
- b) Apakah keberkesanan dan KPI Program 3W dicapai setakat ini?
- c) Berapa jumlah yang diperuntukan oleh Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Karnival *Wellness, Welfare & Women* (3W) adalah penambahbaikan kepada Karnival Sihat Selangor (KSS) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2014. Karnival 3W ini menggabungkan ketiga-tiga *portfolio* di bawah YB Dr Siti Mariah Binti Mahmud iaitu Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga.

Objektif utama karnival 3W adalah untuk mengumpul, menyampai dan menyebarkan maklumat berkaitan program dan aktiviti yang sedang dilaksanakan oleh agensi kerajaan negeri dan persekutuan terutama program di bawah Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan dan Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor.

Karnival 3W turut membudayakan amalan gaya hidup sihat dengan mendapat maklumat penjagaan kesihatan sebelum mendapat risiko penyakit. Dalam masa yang sama ia memberi peluang kepada masyarakat untuk mengetahui kemudahan kebajikan yang ditawarkan kepada golongan yang layak serta menggalakkan penglibatan kaum wanita sebagai ratu di dalam keluarga memastikan kesihatan keluarga di tahap yang baik.

Untuk makluman Yang Berhormat, Karnival 3W ini akan dilaksanakan bersama Pihak Berkuasa Tempatan pada setiap bulan. Setiap Karnival telah ditetapkan tema-tema sambutan di peringkat negeri dan juga melibatkan hampir 20 jabatan dan agensi negeri dan persekutuan yang berkaitan kesihatan, kebajikan, wanita dan keluarga di negeri Selangor seperti berikut:

- i. Jabatan Kesihatan Negeri & Daerah (JKNS);
- ii. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri & Daerah (JKM);
- iii. Jabatan Pembangunan Wanita Negeri (JPW);
- iv. Jabatan Pendidikan Negeri dan Daerah (JPN);
- v. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri & Daerah (JAKESS);
- vi. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Daerah;
- vii. Polis di Raja Malaysia Negeri dan Daerah (PDRM);
- viii. Pejabat Daerah dan Tanah (PDT);
- ix. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- x. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara (LPPKN);
- xi. Pusat Wanita Berdaya (PWB);
- xii. Institut Wanita Berdaya (IWB);
- xiii. Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS);
- xiv. Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK);
- xv. Majlis Tindakan OKU Selangor (MTOS);
- xvi. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
- xvii. Pusat kaunseling Selangor (PKS);
- xviii. Persatuan Taska Negeri Selangor (PTNS) dan
- xix. Jabatan / agensi berkaitan.

Ketua pimpinan bersama masyarakat turut dilibatkan untuk bersama-sama mempromosikan Karnival 3W agar ianya sampai kepada masyarakat secara menyeluruh. Jadual dan tema Karnival adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>TARIKH PELAKSANAAN</b>	<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>	<b>TEMA</b>
1.	10 FEBRUARI 2019 (AHAD)	MPAJ	PELANCARAN KARNIVAL 3W/ HARI KANSER SEDUNIA
2.	30 MAC 2019 (SABTU)	MPK	HARI WANITA/ HARI BUAH PINGANG
3.	6 APRIL 2019 (SABTU)	MBPJ	HARI AUTISME/ HARI TIBI
4.	20 APRIL 2019 (SABTU)	MDKL	HARI KESIHATAN SEDUNIA/WANITA ANTI JENAYAH
5.	4 MEI 2019 (SABTU)	MPSP	HARI TANPA TEMBAKAU/ HARI JURURAWAT
6.	29 JUN 2019 (SABTU)	MPS	HARI SIFAR DENGGI

7.	27 JULAI 2019 (SABTU)	MDKS	HARI SUKARELAWAN SELANGOR
8.	24 OGOS 2019 (SABTU)	MBSA	HARI PENYUSUAN SUSU IBU
9.	28 SEPTEMBER 2019 (SABTU)	MPKJ	HARI JANTUNG
10.	19 OKTOBER 2019 (SABTU)	MPSJ	HARI MENTAL/ HARI WARGA EMAS
11.	16 NOVEMBER 2019 (SABTU)	MDSB	HARI OKU/ HARI HIV
12.	30 NOVEMBER 2019 (SABTU)	MDHS	HARI KANAK-KANAK/ HARI DIABETES

- b) Karnival 3W yang pertama telah dirasmikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 10 Februari 2019 bertempat di Padang Perbandaran Ampang Jaya. Karnival 3W yang pertama ini dirasmikan dan dijayakan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Ampang Jaya bersempena Hari Kanser Sedunia Peringkat Negeri Selangor dan Hari Tanpa Kenderaan MPAJ. Karnival 3W yang diadakan ini telah mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat dengan kerjasama semua pihak terlibat. Jumlah kehadiran pelawat yang direkodkan adalah melebihi 3,000 orang.

Selain itu, Karnival ini juga telah berjaya menarik 20 jabatan dan agensi yang telah menawarkan perkhidmatan seperti berikut:

- i.) Pemeriksaan kesihatan dan pemeriksaan gigi
- ii.) Saringan Kanser- Papsmear
- iii.) Pameran pencegahan Denggi
- iv.) Demonstrasi pertolongan cemas
- v.) Kaunter Derma Darah
- vi.) Kaunter pendaftaran taska dan pusat jagaan
- vii.) Kaunter pendaftaran OKU
- viii.) Pameran bantuan-bantuan JKM
- ix.) Aktiviti keusahawanan wanita (PWB)
- x.) Saringan kesihatan mental (DASS)

- xi.) Pendaftaran Pertandingan Slim Selangor
- xii.) Pendaftaran Mamogram/ MammoSEL
- xiii.) Sesi konsultasi bersama kaunselor

Program ini juga telah menarik perhatian peringkat persekutuan dengan penglibatan Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia untuk turut sama menjayakan Karnival 3W di Majlis Daerah Kuala Langat dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Wanita di Majlis Daerah Klang. Gabungan di peringkat persekutuan dan negeri ini adalah merupakan satu kerjasama yang baik bagi memberi manfaat kepada masyarakat.

- c) Bagi menjayakan Karnival 3W ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukan sejumlah RM1.2 juta iaitu dengan anggaran kos sebanyak RM100,000.00 bagi setiap Karnival.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : BILANGAN WARGA ASING YANG TINGGAL DALAM SETIAP RUMAH  
STRATA**

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Banyak aduan dibuat oleh penduduk Selangor berkenaan terlalu ramai bilangan warga asing yang tinggal dalam satu rumah terutamanya di rumah jenis Strata (Contoh: 10 orang tinggal di 1 flat). Apakah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam mengendalikan isu ini?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa melaksanakan pemantauan dan operasi sekiranya terdapat aduan diterima di PBT. PBT menggunakan notis Seksyen 78, Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) iaitu **rumah yang diduduki penuh dengan sesak**. Pendekatan kaedah adalah seperti berikut :
- i) mengeluarkan notis berdasarkan seksyen 78;
  - ii) rundingan; Contohnya majikan pekerja boleh datang berbincang dengan PBT bagi penyelesaian perkara tersebut;
  - ii) Sekiranya sesi rundingan tidak dapat menyelesaikan masalah tersebut, tindakan bersepadu akan dilaksanakan bersama Jabatan Imigresen, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), dan Rela.

Pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) juga berperanan dalam memantau aspek keluar masuk di sesebuah kawasan strata.

Namun begitu, sekiranya terdapat isu yang membabitkan kegiatan jenayah, kes akan diserahkan kepada pihak PDRM.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : MANGSA BENCANA RIBUT DI KAWASAN DUN SUNGAI BURONG  
DAN PERMATANG**

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membantu mangsa bencana ribut yang telah melanda 9 buah kampung di DUN Sg. Burong dan Permatang pada 10 hb Februari 2019 yang lalu?

**JAWAPAN:**

- a) 11hb Februari 2019 (Isnin)

Pegawai Daerah Kuala Selangor, selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Kuala Selangor telah melaksanakan pemantauan dan penyerahan sumbangan awal. Sejurus itu, satu mesyuarat tapak diadakan bertempat di MPKK Kampung Seri Tiram Jaya bagi menyelaraskan tindakan pembersihan, pemulihan dan penyelarasan bantuan bencana ribut bersama agensi-agensinya kerajaan yang berkaitan.

12hb Februari 2019 (Selasa)

Program bantuan pembersihan dijalankan dengan dibahagikan kepada dua (2) bahagian mengikut kawasan DUN Sungai Burong dan DUN Permatang. Pembersihan dilaksanakan mengikut zon dan kerja-kerja pembersihan kawasan sampah, kutipan sampah dan penebangan pokok serta lain-lain pembersihan melibatkan agensi tempatan dan sukarelawan. Statistik dengan jumlah cadangan bantuan baikpulih adalah seperti berikut :

**DUN SG BURONG**

KAWASAN	KEROSAKAN KECIL	KEROSAKAN SEDERHANA	KEROSAKAN SERIUS	BINA BARU	JUMLAH
BLOK I	0	2	1	0	3
KG TOK ADAM	0	0	1	1	2
KG PARIT 2	0	0	1	0	1
KG TALI AIR 2	0	3	3	3	9
<b>JUMLAH</b>					<b>15</b>

## DUN PERMATANG

KAWASAN	KEROSAKAN KECIL	KEROSAKAN SEDERHANA	KEROSAKAN SERIUS	BINA BARU	JUMLAH
BLOK EQSW	15	22	10	4	51
PARIT SERONG	0	7	3	0	10
BLOK COJ	9	2	2	0	13
BLOK DKPV	13	14	1	3	31
KG SERI TIRAM JAYA	12	39	7	4	62
<b>JUMLAH</b>					<b>167</b>

## STATISTIK JUMLAH KESELURUHAN RUMAH YANG MENGALAMI KEROSAKAN DI DUN SUNGAI BURONG & DUN PERMATANG :

BIL.	JENIS KEROSAKAN	JUMLAH
1.	Kerosakan Kecil	49
2.	Kerosakan Sederhana	89
3.	Kerosakan Serius	29
4.	Bina Baru	15
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>182</b>

13hb Februari 2019 (Rabu)

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor, Tuan Amirudin Bin Shari telah melaksanakan pemantauan di sekitar kawasan bencana ribut dan menyerahkan sumbangan kepada beberapa buah rumah penduduk terkesan ribut di kawasan DUN Permatang. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor juga melaksanakan pemantauan di Sekolah Rendah Agama Blok P, Sawah Sempadan, Tanjung Karang yang mengalami kerosakan serius serta menyantuni mangsa di Surau Darul Ma'arif Jalan Setanjung Seri Tiram Jaya, Tanjung Karang bersama.

19hb Februari 2019 (Selasa)

Majlis penyampaian sumbangan kepada mangsa bencana ribut bagi DUN Permatang & Sungai Burong daerah Kuala Selangor telah diadakan di Dewan Seri

Tiram Jaya, Kg. Seri Tiram Jaya, Tanjong Karang, Daerah Kuala Selangor. Kerajaan Negeri melalui Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor, Menteri Besar (Pemerbadanan), Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, Lembaga Zakat Selangor dan Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menyelaraskan bantuan sumbangan kepada mangsa-mangsa ribut tersebut :

- i. Menteri Besar (Pemerbadanan) melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) membiayai sepenuhnya kos pembaikan rumah yang mengalami kerosakan kecil, sederhana, serius dan bina baru melalui Pejabat Daerah Tanah Kuala Selangor, Pusat Khidmat Masyarakat Dun Sungai Burong dan Pusat Khidmat Masyarakat Dun Permatang berdasarkan penilaian yang selayaknya dengan peruntukan berjumlah **RM 1,683,000.00** mengikut kadar yang ditetapkan seperti berikut :
  - Kerosakan Kecil – RM500.00
  - Kerosakan Sederhana – RM5,000.00
  - Kerosakan Serius – RM20,000.00
  - Bina Baru – RM50,000.00
- ii. Kerajaan Negeri telah menyerahkan bantuan wang ihsan kepada keseluruhan mangsa terkesan ribut dengan kadar maksimum berjumlah **RM500.00** melalui Tabung Bencana Alam Daerah Kuala Selangor, Pejabat Daerah & Tanah Kuala Selangor.
- iii. Lembaga Zakat Selangor telah menyerahkan bantuan wang ihsan kepada keseluruhan mangsa terkesan ribut dengan jumlah **RM300.00** kepada keseluruhan mangsa terkesan ribut dan bantuan baikpulih serta bina baru rumah kepada 19 orang mangsa yang berdaftar sebagai asnaf fakir miskin Lembaga Zakat Selangor.
- iv. Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menyerahkan bantuan wang ihsan kepada keseluruhan mangsa terkesan ribut dengan jumlah **RM300.00** dan barangan keperluan harian.
- v. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor telah menyerahkan bantuan awal Kit Bencana dan barangan keperluan harian kepada mangsa yang berpindah ke Pusat Pemindahan di Surau Darul Ma'arif Jalan Setanjung Seri Tiram Jaya, Tanjung Karang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : ISU PENTERNAKAN KERANG**

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah faktor pengurangan hasil ternakan kerang khususnya di Kuala Selangor?
- b) Apakah langkah Kerajaan dalam memastikan kelestarian habitat kerang terpelihara?
- c) Apakah langkah untuk membantu meningkatkan pendapatan para nelayan secara amnya dan penternak kerang khasnya?

**JAWAPAN:**

- a) Antara faktor-faktor pengurangan hasil ternakan kerang khususnya di Kuala Selangor adalah :
  - i) Masalah sumber yang dieksploitasi, melalui kecurian dan penyeludupan keluar benih kerang.
  - ii) Faktor semulajadi iaitu masalah tanah keras akibat pengumpulan kulit kerang di atas sedimen dan keadaan tanah yang berpasir di lot-lot ternakan kerang.
  - iii) Benih serta induk kerang dibeli dan dipasarkan ke negeri-negeri lain.
- b) Langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan kelestarian habitat kerang terpelihara adalah :
  - i) Pemetaan semula lot-lot aktif dan pemertanian zon ternakan kerang di sepanjang persisiran pantai Negeri Selangor yang terlibat seperti Klang, Sabak Bernam dan Kuala Selangor.

- ii) Mempertingkatkan operasi penguatkuasaan terutama ketika musim benih kerang dalam menguatkuasaan Akta Perikanan 1985 (AP1985).
  - iii) Jabatan Perikanan Negeri Selangor juga dalam proses mengemaskini "*Standard Operation Procedure*" (SOP) mengutip benih dan menternak kerang.
- c) Jabatan Perikanan Negeri Selangor telah mengambil langkah-langkah untuk membantu meningkatkan pendapatan para nelayan secara amnya dan penternak kerang khususnya antaranya ialah :
- i) Meneruskan program pemberian bantuan peralatan kepada Nelayan dan penternak kerang.
  - ii) Memperkenalkan inovasi seperti peralatan untuk meningkatkan hasil pengeluaran kerang dan hasil laut. (Contoh : *Cockle Grader, Cockle Spat Sorter*, tangguk moden)
  - iii) Mempertingkatkan kemudahan di jeti-jeti pendaratan kerang dan hasil laut. (Contoh : *Kren* )

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : GUGUSAN EKONOMI SELANGOR**

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan strategi dan aktiviti yang diaturkan untuk Gugusan Ekonomi Selangor
  
- b) Status terkini membentuk Gugusan Industri Terpilih dan Industri Perkhidmatan bagi kawasan Telok Panglima Garang, Rawang, Kuang, Bernam Jaya dan Lembah Beringin.

**JAWAPAN:**

- a) Sebagai sebuah Negeri yang maju dan berkembang pesat, Negeri Selangor perlu mempunyai asas ekonomi yang produktif, stabil dan mempunyai nilai tambah dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian. Selain itu, Selangor perlu mempunyai daya saing yang tinggi di peringkat nasional dan global bagi menarik pelaburan domestik dan asing yang berkualiti tinggi bagi menjana pertumbuhan ekonomi negeri yang mampan.

Bagi mengekalkan prestasi Negeri Selangor sebagai pemacu ekonomi negara dan berkembang terus maju, aktiviti ekonomi akan dipelbagaikan melalui penggunaan sumber ekonomi semulajadi yang mampan sama ada yang boleh diperbaharui atau tidak boleh diperbaharui serta memperkenalkan asas ekonomi baru yang inovatif. Kepelbagaian ekonomi ini akan diterjemahkan ke dalam bentuk lokaliti, "spatial", rangkaian bekalan (*supply chain*) dan ekosistem bagi mewujudkan pengkhususan aktiviti dan membolehkan penyediaan infrastruktur, kemudahan galakan (insentif) dan latihan yang bersesuaian secara bersepadu dan efisien. Pengklusteran atau gugusan ekonomi yang dimaksudkan ini bukanlah suatu pembangunan wilayah 'superficial' atau 'inorganic' akan tetapi berteraskan kemampuan serta potensi sedia ada daerah-daerah seluruh Selangor. Pembangunan aktiviti ekonomi ini akan disalurkan ke pusat-pusat pertumbuhan strategik yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan aktiviti ekonomi dan meningkatkan daya saing Selangor sebagai pemacu ekonomi Negara.

Matlamat klusterisasi adalah untuk:-

- i. Mewujudkan **ekonomi** yang produktif, stabil & mempunyai nilai tambah;
- ii. Memperkukuhkan daya saing bagi menarik **pelaburan** domestik dan asing yang berkualiti tinggi;
- iii. Menjana pertumbuhan **ekonomi setempat** yang berkualiti bagi memacu pertumbuhan ekonomi negeri yang progresif.

Kluster yang diumumkan oleh YAB Dato' Menteri Besar merupakan koridor ekonomi sedia ada yang telah berkembang tetapi perlu dipertingkatkan bagi mewujudkan ekonomi yang lebih kukuh.

Bagi menjayakan Klusterisasi Negeri Selangor ini, pihak UPEN akan mengadakan bengkel bagi membentuk rangka kerja dan pelan tindakan seterusnya membuat pemantauan melalui pelaporan status bagi setiap aktiviti yang dilaksanakan oleh agensi/jabatan dalam setiap kluster dan pelaporan status tersebut akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor secara berkala.

- b) Status terkini membentuk Gugusan Industri Terpilih dan Industri Perkhidmatan bagi kawasan Telok Panglima Garang, Rawang, Kuang, Bernam Jaya dan Lembah Beringin, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah mengenal pasti industri bio-teknologi dan sektor perkhidmatan pergudangan dan logistik sebagai industri yang difokuskan di bawah Gugusan Industri Terpilih dan Industri Perkhidmatan.

Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor dalam proses untuk menyediakan Pelan Tindakan Industri Bio-Teknologi Negeri Selangor. Pelan tindakan khusus bagi industri bio-teknologi Negeri Selangor ini kelak berperanan sebagai bahan rujukan dan perancangan hala tuju pembangunan bagi memacu pertumbuhan industri bio-teknologi di Negeri Selangor. Penyediaan Pelan Tindakan ini masih diperingkat perancangan dan kajian. Gerak kerja bagi menghasilkan Pelan Tindakan ini dijadualkan akan dimulakan pada penggal kedua tahun 2019.

Manakala bagi menggalakkan industri sokongan kepada industri pembuatan, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor giat mempromosikan kawasan – kawasan perindustrian yang berpotensi untuk sektor perkhidmatan pergudangan dan logistik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PROGRAM PENERANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan penerangan dasar dan program kerajaan negeri kepada rakyat?
- b) Berapakah jumlah papan tanda (billboard) yang diperuntukkan bagi penerangan IPR bagi setiap DUN?
- c) Berapakah bajet Kerajaan Negeri bagi tujuan program penerangan ini?

**JAWAPAN:**

- a) Penubuhan Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB) adalah bertujuan mempertingkatkan penerangan dasar dan program Kerajaan Negeri kepada rakyat, sejak 2009.

Bermula dengan web portal TVSelangor, CCSB yang juga dikenali sebagai Media Selangor mula berkembang kepada penerbitan akhbar dan penggunaan medium lain seperti berikut;

	<b>Edisi/medium</b>	<b>Cetakan/Pelanggan/Pengikut</b>
<b>SelangorKini</b>	Bahasa Melayu	200,000/sembinggu
	Selangor Journal	50,000/sebulan
	Mandarin	70,000/dua minggu sekali
	Tamil	50,000/sebulan
<b>TV Selangor</b>	selangortv.my	portal
	YouTube	112,000 pelanggan
<b>Media Sosial</b>	Facebook	303,000 pengikut
	Twitter	30,200 pengikut
	Instagram	59,900 pengikut



<b>IDM TV</b>	SUK, PBT, PDT, agensi dan GLC	50 IDM TV di seluruh Selangor memaparkan program TVS, informasi IPR dan Kerajaan Negeri serta ringkasan berita.
---------------	-------------------------------	---

- b) Setakat ini, CCSB menguruskan 26 papan iklan milik Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) – MBI di seluruh Selangor. Kesemua papan iklan digunakan bagi tujuan pengiklanan program kebajikan Kerajaan Negeri di bawah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR). Jumlah papan iklan berkenaan juga dijangka meningkat tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan dari semasa ke semasa.
- c) Pada 2019, sejumlah RM10.3 juta telah diperuntukkan kepada CCSB di bawah bajet Pembangunan Minda Rakyat bagi tujuan penerbitan, pencetakan, pengedaran dan sebarang usaha menyebarkan dan menghebahkan program Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : KEMISKINAN BANDAR DI PETALING JAYA**

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menangani isu kemiskinan bandar, terutamanya di kawasan pangsapuri kos rendah di Petaling Jaya?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya amat menyokong inisiatif peduli rakyat oleh kerajaan negeri bagi membantu golongan B40 dengan beberapa inisiatif pembasmian kemiskinan bandar di peringkat majlis seperti berikut;

- i. Sumbangan Pesakit Terlantar
- ii. Sumbangan Perayaan
- iii. Anugerah Kecemerlangan Pelajar Sekolah
- iv. Kelas Tambahan Pelajar Sekolah
- v. Sumbangan Kembali Ke Sekolah
- vi. Bengkel Kemahiran
- vii. Bantuan Menjana Pendapatan
- viii. Perkhidmatan Van OKU
- ix. Tajaan Pelajar Ke Institusi Kemahiran Berdaftar
- x. Food Bank
- xi. Tawaran Kerja Pekerja Rendah Di Dewan dan Tandas Majlis
- xii. Keutamaan Lesen Berniaga Peniaga Kecil

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : MASYARAKAT ORANG ASLI**

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan taraf ekonomi, pendidikan dan juga sosial masyarakat orang asli?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat,

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sentiasa komited dalam usaha untuk menaiktaraf kehidupan masyarakat Orang Asli agar keluar dari belenggu kemiskinan . Sehubungan itu, Kementerian ini melalui JAKOA telah menyediakan satu Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli (PESKOA) bagi Tahun 2016 – 2020, yang merupakan *blue print* sebagai asas rujukan kepada warga kerja JAKOA dalam tempoh lima tahun. PESKOA ini menggariskan tujuh (7) fokus yang meliputi aspek Pentadbiran Tanah, Kemudahan Prasarana, Modal Insan dan Kemahiran Belia, Ekonomi Mampan, Seni, Budaya dan Warisan, Jaringan Keselamatan (Kebajikan) dan Sistem Penyampaian Perkhidmatan. Fokus-fokus tersebut disokong oleh 7 teras strategik dan 45 program yang disasarkan.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, pada tahun 2019 JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan telah diperuntukan sebanyak RM1.2 juta bagi bajet pembangunan. Antara projek yang dilaksanakan adalah pembangunan kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam, serta bantuan bina baru dan baik pulih rumah. Bagi usaha meningkatkan taraf ekonomi Orang Asli, JAKOA memberi fokus terhadap Projek Pembangunan Ladang . Sehingga kini JAKOA dengan kerjasama Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) yang melibatkan seramai 106 peserta dengan keluasan 91.09 hektar. Selain itu juga, JAKOA turut melaksanakan Program Ladang Masyarakat yang diusahakan oleh masyarakat Orang Asli itu sendiri, manakala bantuan input pertanian disediakan oleh JAKOA. Sehingga 31 Disember 2018, terdapat seramai 120 peserta dengan jumlah keluasan 48.57 hektar. Selain itu, pembangunan usahawan Orang Asli turut diberi keutamaan bagi melahirkan masyarakat Orang Asli yang mampu berdikari dan berdaya saing. Sepanjang tahun 2018, seramai 16 usahawan telah

dibangunkan dan menerima bantuan yang disalurkan oleh JAKOA seperti premis perniagaan, peralatan perniagaan, kursus dan latihan yang berkaitan.

Untuk makluman yang berhormat ,JAKOA juga turut memberi penekanan terhadap program peningkatan kapasiti dan kapabiliti masyarakat Orang Asli. Program yang dilaksanakan merangkumi pembangunan pendidikan, komuniti, kemahiran dan kerjaya. Dalam aspek pendidikan JAKOA telah menyediakan pelbagai inisiatif bagi memastikan pendidikan dikalangan Orang Asli tidak ketinggalan dari arus perdana, JAKOA telah melaksanakan beberapa program bagi meningkatkan taraf pendidikan anak-anak masyarakat Orang Asli seperti berikut :

1. Program kecemerlangan pelajar di sediakan kepada pelajar- pelajar Orang Asli yang akan mengambil peperiksaan umum seperti UPSR/PT3/ SPM agar memperolehi keputusan cemerlangan
2. Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) berasrama harian bagi mengurangkan kadar keciciran pelajar dari sekolah rendah ke sekolah menengah. Antara sekolah yang telah laksanakan konsep K9 di Selangor ialah Sekolah Kebangsaan Taman Desa Kemandol, Kuala Langat.
3. Peluang kemasukkan khas pelajar Orang Asli lepasan SPM ke Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan yang dipersetujui oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.
4. Program Ijazah Luar Negara (PILN) yang ditawarkan kepada pelajar Orang Asli cemerlang di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di universiti luar negara. Program ini adalah kerjasama antara JAKOA dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) . Sehingga 2018 seramai 87 pelajar Orang Asli yang telah melanjutkan pengajian di luar negara.

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah mengambil langkah komprehensif dan menyalurkan bantuan-bantuan bagi pendidikan anak Orang Asli seperti berikut

1. Penyediaan kemudahan pengangkutan pelajar ke sekolah bagi anak Orang Asli yang tinggal di penempatan Orang Asli Negeri Selangor
2. Insentif wang saku pelajar sekolah menengah dengan kadar sebanyak RM2 mengikut kehadiran pelajar

3. Pembiayaan yuran persekolah kepada pelajar Orang Asli yang tidak menerima bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)
4. Skim Bantuan Galakan Pendidikan (Basiswa) kepada pelajar Orang Asli yang melanjutkan pengajian ke peringkat Matrikulasi, Asasi, Sijil, Pra Diploma, Diploma dan Ijazah di Isntitusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)

JAKOA juga menyediakan Program Latihan Kemahiran Kerjaya (PLKK) untuk membuka peluang kepada golongan belia yang gagal menamatkan persekolahan. Golongan belia ini akan ditawarkan mengikuti latihan yang melayakkan mereka menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap I, II dan Sijil Kompetensi serta berpeluang memasuki pasaran pekerjaan dengan pendapatan diantara RM900 hingga RM1,500 sebulan.

Jabatan Kemajuan Orang Asli akan sentiasa memastikan pelaksanaan program pembangunan modal insan yang dilaksanakan selari dengan pelaksanaan pembangunan fizikal bagi peningkatan kapasiti dan kapabiliti masyarakat Orang Asli agar dapat bersaing dengan masyarakat arus perdana.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : PROJEK TERBENGKALAI**

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keputusan Pejabat Tanah berkenaan cadangan MPSJ untuk merampaskan tanah yang terdapatnya projek terbengkalai selama lebih kurang 30 tahun yang terletak di antara Persiaran Kewajipan dan Persiaran Subang Permai, di sebelah Pusat Beli Belah Damen?

**JAWAPAN:**

- a) Pentadbir Tanah Petaling berpandangan bahawa adalah wajar supaya cadangan tindakan pelucuthakan ke atas bangunan yang ditinggalkan usang ini dikaji dan diteliti terlebih dahulu. Lot yang dimaksudkan adalah Lot 42484, GRN 158578, Mukim Damansara, Daerah Petaling milik tetuan Standard Harves Sdn. Bhd. Semakan cukai telah dibuat dan mendapati tiada tunggakan pembayaran cukai tanah. Tindakan pelucuthakan tanah hak milik perlu dilaksanakan betul dengan mematuhi ketat semua kehendak-kehendak mandatori di dalam Kanun Tanah Negara. Suatu prosedur khas berkaitan perkara ini perlu diwujudkan untuk dijadikan panduan bagi mengelakkan tuntutan kecuaiian dan pelanggaran tugas statutori terhadap Pejabat Tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : GOLONGAN B40**

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah bilangan dan peratus rakyat Selangor merupakan golongan B40 mengikut DUN?
- b) Apakah tindakan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu golongan B40?
- c) Apakah sistem data maklumat yang akan dirujukan untuk golongan B40?

**JAWAPAN:**

Tuan Speaker,

Jawapan (a), (b) dan (c)

Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Mengikut Negeri dan Daerah Pentadbiran Negeri Selangor Tahun 2016 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kumpulan isi rumah terendah B40 adalah golongan yang berpendapatan di bawah had pendapatan kasar isi rumah RM6,180 sebulan di Negeri Selangor. Ketika ini, Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai maklumat yang tepat berkenaan jumlah bilangan dan peratus rakyat Selangor yang merupakan golongan B40 yang khusus mengikut DUN. Namun begitu, usaha membantu golongan B40 sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan Negeri dalam memastikan golongan ini sentiasa memperoleh manfaat melalui Inisiatif Peduli Rakyat (IPR).

Kerajaan Negeri telah menetapkan had pendapatan bagi beberapa program bantuan di bawah program IPR khusus untuk golongan B40 dan ke bawah. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri telah menetapkan had pendapatan bagi permohonan Program Hadiah Anak Masuk Universiti adalah RM3,000 seisi rumah dan ke bawah, Program Kasih Ibu *Smart* Selangor khusus kepada golongan berpendapatan seisi rumah RM2,000 dan ke bawah dan Program Jom *Shopping*

untuk yang berpendapatan seisi rumah RM1,500 dan ke bawah. Hasrat Kerajaan Negeri adalah untuk memberikan bantuan kepada golongan sasaran yang benar-benar perlu dibantu dan ianya dilihat selaras dengan peruntukan yang terhad. Oleh yang demikian, ini merupakan tindakan wajar yang telah dilaksanakan Kerajaan Negeri dalam membantu golongan yang memerlukan.

Dalam memastikan rakyat terutamanya golongan B40 terus menikmati memakmuran dan kesejahteraan, Kerajaan Negeri menyambut baik sebarang cadangan penambahbaikan pelaksanaan program-program pemberdayaan rakyat. Oleh yang demikian, ketika ini Kerajaan Negeri sedang membangunkan sebuah sistem data bersepadu yang boleh dijadikan rujukan rakyat Selangor di masa akan datang.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : INFRASTRUKTUR UNTUK KAWASAN PENGINDUSTRIAN**

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Jalan-jalan di kawasan pengindustrian sentiasa perlu diturap semula disebabkan jalan-jalan tersebut senang rosak kerana digunakan oleh kenderaan-kenderaan berat. Keadaan ini berlaku kerana jalan-jalan tersebut hanya menggunakan spek jalan biasa. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan demi mengatasi masalah ini?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi penyenggaraan Jalan Negeri adalah seperti berikut:

Pihak JKR sememangnya komited untuk menangani isu jalan senang rosak. Antara langkah yang telah diambil oleh pihak JKR adalah seperti berikut :-

- i. Melaksanakan kerja penyelenggaraan jalan negeri secara Kontrak Jangka Panjang dan kontrak secara berpusat.
- ii. Menggunakan kaedah teknologi baru dalam pembaikan jalan, contohnya *Cold In-Place Recycling (CIPR)* bagi menyelesaikan masalah struktur jalan yang cepat rosak. Namun disebabkan oleh kekurangan peruntukan, ia dijalankan secara berperingkat.
- iii. Melaksanakan Program Kajian Pavemen. Ia adalah satu kaedah saintifik di mana kekuatan, ketahanan dan kerosakan jalan dinilai secara sistematik. Kerja-kerja penyelenggaraan jalan akan dibuat berdasarkan senarai keutamaan melalui Program Kajian Pavemen tersebut.

Adalah dimaklumkan bahawa, penguatkuasaan ke atas kenderaan berat yang membawa muatan melebihi had adalah di luar bidang kuasa JKR dan melibatkan agensi lain. Selain itu, pertambahan bilangan dan had muatan kenderaan berlebihan akan menyebabkan kemerosotan kepada jangka hayat reka bentuk jalan sedia ada. Malahan jangka hayat reka bentuk jalan sedia ada sudah usang dan berusia hampir 50 tahun.

Bagi penyenggaraan Jalan Persekutuan adalah seperti berikut :-

JKR telah menjalankan kajian *pavemen evaluation* di beberapa lokasi untuk mengenal pasti jalan-jalan yang perlu dilakukan pembaikan struktur / naiktaraf. Penguatkuasaan daripada agensi terlibat juga perlu bagi memastikan kenderaan / lori tidak membawa lebih muatan. Ini kerana kerosakan keadaan jalan sekarang adalah disebabkan reka bentuk beban adalah *under design* dan lori membawa beban melebihi had muatan kenderaan yang berkuat kuasa pada tahun 2017. Oleh itu, bagi pembaikan di jalan JKR Persekutuan, pembaikan yang dipohon adalah melibatkan kos yang tinggi seperti CIRP bagi menguatkan keupayaan jalan supaya tahan lebih lama. Namun permohonan kerja pembaikan tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan dari pihak Kerajaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : TANAH PERKUBURAN ISLAM JOHAN SETIA**

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini tanah perkuburan Islam Johan Setia?
- b) Apakah cadangan kerajaan dalam menangani isu kawasan tanah perkuburan yang semakin berkurangan?

**JAWAPAN:**

- a) Tanah Perkuburan Islam Johan Setia terbahagi kepada dua (2) plot iaitu Plot A seluas 26 ekar dan Plot B seluas 59 ekar . Bagi Plot A, pihak Majlis Perbandaran Klang (MPK) sedang menjalankan kerja-kerja penyediaan keperluan infrastruktur yang hampir 80% siap. Tanah perkuburan tersebut telah diwartakan. Warta (no warta – WKNS1807) pada 23 September 2004.
- b) Kerajaan Negeri menyedari penyediaan kemudahan masyarakat terutamanya tanah perkuburan adalah merupakan satu cabaran bagi Negeri Selangor kerana kedapatan tanah yang terhad dan kesukaran untuk mendapatkan lokasi/tanah yang strategik bagi menempatkan kemudahan ini. Saiz lot tanah yang kecil juga telah menyukarkan penyediaan kemudahan ini.

Secara keseluruhan Negeri Selangor memerlukan kawasan tanah perkuburan seluas lebih kurang 928.2 hektar sehingga akhir tahun 2035. Dianggarkan 607.04 hektar diperlukan bagi tanah perkuburan islam dan 321.16 hektar bagi perkuburan selain islam.

Bagi merealisasikan penyediaan kemudahan tanah perkuburan ini, Pihak Berkuasa Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan telah menyediakan Rancangan Tempatan bagi setiap daerah. Di dalam setiap Rancangan Tempatan yang disediakan telah dikenalpasti keperluan dan lokasi bagi tapak-tapak perkuburan yang dimaksudkan. Pada masa yang sama, bagi setiap permohonan cadangan pemajuan telah disyaratkan untuk pemaju menyediakan tanah

perkuburan berasaskan kepada piawai perancangan yang diterima pakai oleh Pihak Berkuasa Negeri. Perincian unjuran tanah perkuburan mengikut keperluan agama bagi tahun 2015 sehingga 2035 seperti jadual berikut:

**Jadual B6.32(a):Unjuran Keperluan Tanah Perkuburan Mengikut Pihak Berkuasa  
Tempatan dari Tahun 2015 - 2035**

Daerah	Komponen	2015 (Hek)	2020 (Hek)	2025 (Hek)	2030 (Hek)	2035 (Hek)
MDSB	T.P. Islam	6.66	7.78	9.10	10.63	12.43
	T.P. Buddha	2.24	2.62	3.06	3.58	4.19
	T.P. Hindu	0.32	0.38	0.44	0.52	0.60
	T.P. Kristian	0.48	0.56	0.66	0.77	0.90
	Lain-lain Agama	0.13	0.15	0.18	0.21	0.24
	<b>Jumlah</b>	<b>9.83</b>	<b>11.50</b>	<b>13.44</b>	<b>15.71</b>	<b>18.36</b>
MDKS	T.P. Islam	13.35	15.61	18.24	21.32	24.92
	T.P. Buddha	2.93	3.42	4.00	4.67	5.46
	T.P. Hindu	2.06	2.41	2.81	3.29	3.85
	T.P. Kristian	0.96	1.12	1.31	1.54	1.80
	Lain-lain Agama	0.29	0.34	0.40	0.47	0.55
	<b>Jumlah</b>	<b>19.60</b>	<b>22.90</b>	<b>26.77</b>	<b>31.29</b>	<b>36.58</b>
MDHS	T.P. Islam	12.40	14.49	16.94	19.80	23.14
	T.P. Buddha	3.10	3.62	4.23	4.95	5.78
	T.P. Hindu	1.77	2.07	2.42	2.83	3.31
	T.P. Kristian	1.20	1.40	1.64	1.91	2.24
	Lain-lain Agama	0.61	0.72	0.84	0.98	1.15
	<b>Jumlah</b>	<b>19.08</b>	<b>22.30</b>	<b>26.07</b>	<b>30.47</b>	<b>35.61</b>
MPS	T.P. Islam	40.65	47.52	55.55	64.93	75.89
	T.P. Buddha	9.24	10.80	12.65	14.75	17.25
	T.P. Hindu	4.82	5.63	6.58	7.69	8.99
	T.P. Kristian	3.00	3.51	4.10	4.79	5.60
	Lain-lain Agama	0.99	1.16	1.36	1.58	1.85
	<b>Jumlah</b>	<b>58.70</b>	<b>68.61</b>	<b>80.20</b>	<b>93.74</b>	<b>109.57</b>
MPAJ	T.P. Islam	28.25	33.02	38.60	45.12	52.73
	T.P. Buddha	11.59	13.55	15.83	18.51	21.63

Daerah	Komponen	2015 (Hek)	2020 (Hek)	2025 (Hek)	2030 (Hek)	2035 (Hek)
	T.P. Hindu	2.53	2.95	3.45	4.04	4.72
	T.P. Kristian	2.94	3.44	4.02	4.69	5.49
	Lain-lain Agama	0.85	0.99	1.16	1.36	1.59
	<b>Jumlah</b>	<b>46.16</b>	<b>53.95</b>	<b>63.06</b>	<b>73.71</b>	<b>86.16</b>
MPKJ	T.P. Islam	46.43	54.72	63.43	74.14	86.67
	T.P. Buddha	10.37	12.12	14.17	16.56	19.36
	T.P. Hindu	4.29	5.01	5.85	6.84	8.00
	T.P. Kristian	2.64	3.09	3.61	4.94	5.77
	Lain-lain Agama	1.11	1.30	1.51	1.77	2.07
	<b>Jumlah</b>	<b>69.76</b>	<b>81.54</b>	<b>95.31</b>	<b>104.26</b>	<b>121.86</b>
MBPJ	T.P. Islam	27.85	32.55	38.05	44.48	51.99
	T.P. Buddha	12.93	15.12	17.67	20.65	24.14
	T.P. Hindu	4.69	5.48	6.41	7.49	8.76
	T.P. Kristian	3.53	4.12	4.82	5.63	6.58
	Lain-lain Agama	1.09	1.27	1.49	1.74	2.03
	<b>Jumlah</b>	<b>50.09</b>	<b>58.55</b>	<b>68.43</b>	<b>79.99</b>	<b>93.50</b>
MPSJ	T.P. Islam	25.30	29.57	34.57	40.41	47.23
	T.P. Buddha	13.14	15.36	17.96	20.99	24.54
	T.P. Hindu	3.60	4.20	4.91	5.74	6.71
	T.P. Kristian	3.39	3.97	4.64	5.42	6.33
	Lain-lain Agama	1.12	1.31	1.53	1.79	2.10
	<b>Jumlah</b>	<b>46.56</b>	<b>54.42</b>	<b>63.61</b>	<b>74.35</b>	<b>86.91</b>
MBSA	T.P. Islam	51.76	60.50	70.72	82.66	96.62
	T.P. Buddha	5.32	6.21	7.26	8.49	9.92
	T.P. Hindu	5.60	6.54	7.65	8.94	10.45
	T.P. Kristian	2.47	2.89	3.38	3.95	4.61
	Lain-lain Agama	1.03	1.20	1.41	1.65	1.92
	<b>Jumlah</b>	<b>66.17</b>	<b>77.35</b>	<b>90.41</b>	<b>105.68</b>	<b>123.52</b>
MPK	T.P. Islam	48.45	56.63	66.19	77.37	90.44
	T.P. Buddha	14.46	16.90	19.75	23.08	26.98
	T.P. Hindu	7.86	9.18	10.74	12.55	14.67
	T.P. Kristian	4.48	5.24	6.13	7.16	8.37
	Lain-lain Agama	1.50	1.75	2.05	2.40	2.80
	<b>Jumlah</b>	<b>76.75</b>	<b>89.71</b>	<b>104.85</b>	<b>122.56</b>	<b>143.26</b>
MDKL	T.P. Islam	10.74	12.56	14.68	17.26	20.05
	T.P. Buddha	4.63	5.41	6.32	7.39	8.63
	T.P. Hindu	2.14	2.50	2.93	3.42	4.00
	T.P. Kristian	1.30	1.51	1.77	2.07	2.42
	Lain-lain Agama	0.39	0.46	0.54	0.63	0.73

Daerah	Komponen	2015 (Hek)	2020 (Hek)	2025 (Hek)	2030 (Hek)	2035 (Hek)
	<b>Jumlah</b>	<b>29.20</b>	<b>22.24</b>	<b>26.23</b>	<b>30.66</b>	<b>35.83</b>
MP Sepang	T.P. Islam	13.35	15.61	18.25	21.33	24.93
	T.P. Buddha	2.76	3.23	3.77	4.41	5.15
	T.P. Hindu	2.19	2.56	2.99	3.50	4.09
	T.P. Kristian	1.07	1.25	1.46	1.70	1.99
	Lain-lain Agama	0.46	0.53	0.62	0.73	0.85
	<b>Jumlah</b>	<b>19.83</b>	<b>23.18</b>	<b>27.09</b>	<b>31.66</b>	<b>37.01</b>
Selangor	T.P. Islam	325.19	380.56	444.32	519.45	607.04
	T.P. Budha	92.71	108.36	126.67	148.03	173.03
	T.P. Hindu	41.87	48.91	57.18	66.85	78.15
	T.P. Kristian	27.46	32.1	37.54	44.57	52.1
	Lain-lain Agama	9.57	11.18	13.09	15.31	17.88
	<b>Jumlah</b>	<b>496.8</b>	<b>581.11</b>	<b>678.8</b>	<b>794.21</b>	<b>928.2</b>

Sumber: Laporan Inventori Tanah Perkuburan dan Keperluan Perkuburan Sehingga Tahun 2060 di Negeri Selangor 2010, JPBD Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : ADUAN SALAHGUNA TANAH DAN JUMLAH TINDAKAN**

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah aduan salah guna tanah yang telah pejabat-pejabat tanah terima dan berapa pula dari jumlah itu sudah diambil tindakan rampasan?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah aduan yang diterima mulai 2017 sehingga kini berkaitan salahguna tanah di semua Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di seluruh Negeri Selangor adalah berjumlah 176 aduan manakala aduan yang telah berjaya diselesaikan adalah sejumlah 66 aduan.

Kesemua aduan yang masih dalam tindakan telah diambil tindakan penganan Notis 7A dan Notis 7B oleh setiap PDT. Terdapat pemilik tanah yang telah memulihkan tanahnya sendiri namun setelah suatu tempoh waktu, mereka kembali melanggar syarat tanah tersebut semula. Justeru itu, data aduan yang telah diambil tindakan seperti di **Lampiran** adalah merupakan tindakan yang masih berlangsung dan sedang dijalankan oleh setiap PDT seperti contoh permohonan tukar syarat yang melibatkan proses *public hearing* dan ulasan-ulasan teknikal daripada agensi teknikal yang berkaitan.

Manakala, bagi aduan yang telah diselesaikan bermaksud bahawa tanah tersebut telah diremedikan sendiri oleh pemilik tanah dan setelah pemantauan berkala dijalankan, didapati bahawa pemilik tanah tidak menjalankan lagi aktiviti yang melanggar syarat nyata tanah tersebut.

Pecahan aduan mengikut setiap PDT di seluruh Negeri Selangor adalah seperti di **Lampiran A**.

## Lampiran A

<b>BIL.</b>	<b>DAERAH</b>	<b>ADUAN YANG DITERIMA</b>	<b>DALAM TINDAKAN</b>	<b>ADUAN YANG TELAH DISELESAIKAN</b>
1	KLANG	52	16	36
2	SABAK BERNAM	5	5	
3	KUALA SELANGOR	11	11	
4	PETALING	20	20	
5	KUALA LANGAT	10	7	3
6	GOMBAK	18	16	2
7	HULU LANGAT	16	12	4
8	HULU SELANGOR	20	20	
9	SEPANG	24	3	21
<b>JUMLAH</b>		<b>176</b>	<b>110</b>	<b>66</b>



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI  
(N43 SEMENTA)**

**TAJUK : SOLAR PANEL**

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah keluasan ladang solar panel yang berada di Negeri Selangor, daerah mana paling tinggi terdapat ladang solar panel ini? Adakah ianya memberi pulangan yang tinggi kepada Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Adakah Kerajaan Negeri berminat untuk meneruskan dan mengembangkan projek solar panel?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, terdapat empat (4) ladang solar panel yang berada di negeri Selangor. Daerah Petaling mempunyai 2 lokasi dengan jumlah keluasan 8 ekar. Daerah Sepang mempunyai 1 lokasi berkeluasan 20 ekar dan Daerah Kuala Langat mempunyai 1 lokasi dengan keluasan 240 ekar. Butiran terperinci berkaitan ladang solar panel di negeri Selangor adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>LADANG SOLAR PANEL DI NEGERI SELANGOR</b>	<b>KAPASITI TERPASANG (MW)</b>	<b>KELUASAN LADANG PANEL SOLAR</b>	<b>DAERAH</b>
1.	SOLAR SYSTEM & POWER SDN. BHD.	1.0000	4 Ekar	PETALING
2.	SOLAR SYSTEM & POWER SDN. BHD.	1.0000	4 Ekar	PETALING
3.	FORTUNE 11 SDN BHD	5.0000	20 Ekar	SEPANG
4.	TENAGA NASIONAL BHD.	50.0000	240 Ekar	KUALA LANGAT

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek ladang solar panel di negeri Selangor adalah merupakan inisiatif di bawah program Tarif Galakan (*Feed-in Tariff*) yang di wujudkan oleh pihak Lembaga Pembangunan Tenaga

Lestari Malaysia (SEDA Malaysia) yang dilaksanakan oleh pihak swasta manakala projek *Large Scale Solar* adalah di bawah Suruhanjaya Tenaga yang dilaksanakan Tenaga Nasional Bhd. Sehubungan itu, semua projek-projek ladang solar panel di negeri Selangor dilaksanakan oleh pihak swasta. Justeru, buat masa ini ianya tidak memberi pulangan tinggi kepada Kerajaan Negeri selain daripada hasil cukai tanah.

- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, penjanaan tenaga baru dan teknologi dalam industri tenaga dilihat sentiasa berkembang maju dan peningkatan akan terus berlaku pada masa akan datang. Melalui pendekatan ini, Kerajaan Negeri melihat pelaksanaan projek solar panel ini mampu diletakkan sebagai sumber hasil baru pada masa akan datang.

Sebagai langkah awal, Kerajaan Negeri akan mendapatkan pandangan daripada Suruhanjaya Tenaga dan SEDA Malaysia bagi cadangan pelaksanaan projek *Large Scale Solar* di empangan-empangan negeri Selangor. Konsep pemasangan sistem solar terapung di empangan adalah merupakan alternatif terbaik bagi menghadkan penggunaan tanah sedia ada. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan melihat perkara ini dengan lebih terperinci agar ianya memberi manfaat secara langsung kepada Kerajaan Negeri dan seterusnya rakyat di negeri Selangor.